

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

RUJUKAN : 10017

SOALAN :

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan surat kelahiran dan taraf kewarganegaraan dari kalangan kaum India melalui Program MyDaftar. Berapakah daripada jumlah permohonan itu yang telah diluluskan dan nyatakan kelonggaran-kelonggaran yang diberikan serta syarat-syarat yang dikenakan kepada permohonan yang dimaksudkan melalui program Mega MyDaftar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menjalankan Program MyDaftar bersama Majlis *Malaysian Indian Blue Print* (MMIB) bermula dari 5 hingga 22 Jun 2017 dan telah dihadiri seramai 2,400 orang. JPN telah menerima sebanyak 367 permohonan merangkumi 91 dokumen kelahiran, kematian dan anak angkat, 51 kad pengenalan, 223 kewarganegaraan dan 2 perkahwinan. Manakala sebanyak 701 permohonan tidak lengkap dan 1,338 melibatkan pertanyaan dan khidmat nasihat. Setiap permohonan lengkap yang diterima oleh JPN melalui program ini akan diproses mengikut peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.